Satu Hari Satu Pencerahan

Siri ke-34

FORMAT RESUME

Apakah Resume?

Resume ialah dokumen ringkas yang memaparkan maklumat peribadi, kelayakan, kemahiran, pengalaman, pencapaian dan rujukan individu bagi tujuan permohonan pekerjaan, biasiswa atau pengajian.

Ciri-ciri Resume yang Baik

- Maklumat lengkap, tepat dan terkini.
- Disusun dengan kemas dan teratur.
- Menggunakan bahasa yang baku, ringkas dan jelas.
- Menonjolkan kelebihan dan kekuatan diri.
- Tiada kesalahan ejaan dan tatabahasa.

Format Penulisan Resume

1. **Jawatan yang Dimohon** – di bahagian atas.
2. **Maklumat Peribadi** – nama, status, bangsa, no. telefon, tarikh lahir, warganegara, alamat e-mel.
3. **Latar Belakang Akademik** – kelayakan dan institusi pengajian.
4. **Kemahiran Bahasa** – bahasa yang dikuasai.
5. **Kemahiran Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK)** – perisian atau kemahiran digital.
6. **Potensi Diri** – kekuatan, sikap dan kebolehan diri.
7. **Pencapaian Akademik dan Kokurikulum** – kejayaan dalam akademik dan aktiviti kokurikulum.
8. **Rujukan Individu** – nama, jawatan, organisasi, no. telefon dan e-mel.

Contoh Resume

JAWATAN YANG DIMOHON

Guru Tadika



Maklumat Peribadi

Nama	:	Amirul Hakim bin Shaiful Azhar
Status	:	Bujang
Bangsa	:	Melayu
No. Telefon	:	012-3456789
Tarikh Lahir	:	28 Mei 1994
Warganegara	:	Malaysia
Alamat E-mel	:	amirul.hakim@gmail.com

Latar Belakang Akademik

Saya telah melanjutkan pengajian dalam bidang Sains Sosial pada peringkat asas di Universiti Putra Malaysia (UPM), Selangor. Kemudian, saya menamatkan pengajian pada peringkat Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pendidikan Awal Kanak-Kanak di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Perak.

Kemahiran Bahasa

Saya mahir menulis, membaca dan bertutur dalam bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Korea.

Kemahiran Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK)

Saya mahir menggunakan perisian Microsoft Office seperti Microsoft Word, Microsofi Excel dan Microsoft PowerPoint. Selain itu, saya juga berkemahiran dalam penyuntingan gambar dan video dengan menggunakan perisian Adobe seperti Adobe Photoshop dan Adobe Premiere Pro.

Potensi Diri

Saya boleh bekerja dalam keadaan tekanan serta mampu menyiapkan tugasan dalam tempoh yang ditetapkan. Di samping itu, saya juga boleh bekerja lebih masa jika diperlukan. Bukan itu sahaja, saya berasa senang apabila bekerja dalam kumpulan kerana boleh bertukar-tukar pendapat, menghasilkan idea yang lebih kreatif dan mencapai matlamat bersama.

Pencapaian Akademik dan Kokurikulum

- Pernah dinobatkan sebagai pendebat terbaik semasa menyertai pertandingan Debat Ala Parlimen yang dianjurkan oleh UPM.
- Memperoleh Anugerah Dekan pada setiap semester semasa melanjutkan pengajian di UPSI.
- Aktif dalam aktiviti kokurikulum seperti kelab pendidikan awal kanak-kanak dan program khidmat masyarakat.

Rujukan Individu

Dr. Hanisah Radzi
Pensyarah Kanan
Linguistik Bahasa Melayu
Universiti Pendidikan Sultan Idris
03-45678910
hanisah@upsi.edu.my

Disediakan oleh:
Cikgu Amir Saifullah
SMK Kepong

SERTAI TELEGRAM SEARCH
@exercise_students
UNTUK TARGET/RAMALAN SPM !